

24 MAR 1998

Mahathir-Bank

BANK TAHAP SATU DICADANGKAN BOLEH ATASI HAD 15 PERATUS PINJAMAN

KUALA LUMPUR, 24 Mac (Bernama) -- Bank Tahap Satu mungkin akan diberi kelonggaran syarat siling 15 peratus dalam pertumbuhan pinjaman bagi 1998, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Kelonggaran itu bagaimanapun hanya diberikan kepada bank Tahap Satu yang mampu di samping menentukan had 15 peratus itu pada keseluruhannya tidak diatasi, katanya semasa soal jawab pada persidangan Dewan Rakyat hari ini.

Beliau berkata cadangan itu adalah antara cadangan yang dikemukakan oleh Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) yang ditubuh sebagai badan penasihat kepada kabinet mengenai cara-cara untuk menangani masalah ekonomi negara.

Antara cadangan lain ialah bagi Bank Negara Malaysia menambah deposit dalam bank tempatan bagi meningkatkan kecairan dan mengurangkan tekanan kredit serta mengurangkan kadar faedah dan kos meminjam.

Untuk tujuan itu, Bank Negara akan mengkaji kemungkinan menjamin pinjaman antara bank-bank, mengurangkan keperluan rizab berkanun (SRR) bank-bank dengan Bank Negara sebanyak satu atau dua peratus.

Bank Negara juga dicadangkan supaya mengkaji kemungkinan melonggarkan syarat 40/60 untuk membolehkan syarikat milik asing di Malaysia mendapat sumber pembiayaan lebih daripada 40 peratus perbelanjaan bagi memula atau membesarkan perniagaan mereka, daripada bank-bank asing yang beroperasi di Malaysia.

Pengwujudan pasaran bon juga akan dipercepatkan untuk menjadi mekanisme bagi memperolehi pembiayaan untuk projek-projek penting serta pembesaran operasi syarikat, dengan itu mengurangkan pergantungan kepada pembiayaan melalui pasaran modal, kata Perdana Menteri.

Bank Negara juga dicadang supaya memberi penerangan yang jelas kepada bank-bank dan orang ramai mengenai maksud sektor produktif yang diberi keutamaan bagi mendapat pinjaman bank.

Dr Mahathir juga memberitahu persidangan itu mengenai cadangan lain MTEN yang dipertimbangkan oleh Kabinet termasuk mengkaji kesesuaian kenaikan harga barangan tempatan pada kadar yang tidak mengakibatkan pengeluar barangan itu mengalami kerugian dan pada masa yang sama tidak membebaskan pengguna.

Antara cadangan lain ialah mendapatkan persetujuan negara-negara Asean supaya perdagangan antara negara Asean dilaksanakan dengan menggunakan matawang serantau bagi mengurangkan penggunaan dolar Amerika dan selaras dengan itu, mewujudkan mekanisme pembayaran berbentuk peraturan pembayaran pelbagai hala atau dua hala.

Kerajaan negeri, sementara itu diminta untuk menerajui usaha penanaman lebih banyak sayur-sayuran dan buah-buahan bagi mengurangkan import barangan itu dan menghasilkan lebih banyak ikan air tawar sehingga boleh dijadikan bahan eksport, kata Dr Mahathir.

Ini termasuk tanaman bahan makanan untuk binatang ternakan, katanya.

Kerajaan negeri juga diminta bagi menentukan terdapat tanah yang mencukupi bagi usaha tersebut.

Beliau juga menyatakan bahawa setiap cadangan itu telah diterima oleh kabinet sama ada keseluruhannya atau sebahagian daripadanya.

"Sehingga ini, langkah-langkah sudah diambil oleh pihak-pihak yang berkenaan untuk melaksanakannya," katanya.

Perdana Menteri juga berkata Kabinet akan menimbang pandangan-pandangan

daripada Jawatankuasa Kerja MTEN dan Exco MTEN mengenai strategi bagi memantapkan lagi kedudukan ekonomi makro negara bagi tahun 1988.

"MTEN dan badan-badan di bawahnya baharu sahaja berfungsi selama dua bulan lebih. Oleh itu, adalah sukar bagi kita mengatakan sama ada ia telah berjaya menjalankan tugasnya, lebih-lebih lagi masalah-masalah ekonomi yang perlu diatasi adalah rumit dan mencabar," kata Perdana Menteri.

Bagaimanapun, beliau menyatakan rasa puas hatinya dengan usaha yang disumbangkan oleh pihak yang terlibat.

Katanya dalam masa yang singkat, jawatankuasa MTEN telah sempat berbincang dengan hampir 200 kumpulan tentang masalah ekonomi negara dan cara bagi menanganinya.

Dr Mahathir adalah Pengerusi MTEN yang dianggotai 24 orang yang termasuk sembilan orang menteri, enam wakil sektor swasta, dua wakil persatuan sekerja dan seorang wakil pengguna. Tun Daim Zainuddin adalah pengarah eksekutif MTEN.

"Ahli MTEN, exconya dan jawatankuasa kerjanya dan pengarah eksekutifnya tidak diberi sebarang gaji, elaun atau ganjaran khas bagi sumbangan yang mereka berikan," katanya. -- BERNAMA

JR MA NMO